

12 FEB 1996

KEMENTAH SEDIA BANTU PERANGI GEJALA DADAH

KOTA BAHARU, 12 Feb (Bernama) -- Kementerian Pertahanan bersedia untuk membantu usaha menghapuskan ancaman dadah yang kian serius di negara ini.

Menterinya Datuk Syed Hamid Albar berkata anggota tentera akan dikerahkan membantu polis mengawasi sebarang aktiviti penyeludupan dadah di kawasan sempadan walaupun ianya dalam bidang kuasa polis kerana membabitkan orang awam.

"Kalau diminta bersama-sama melibatkan diri kita boleh berbuat demikian ...kerana dadah ini menjadi ancaman keselamatan yang amat besar," katanya kepada pemberita selepas melawat Markas 8 Briged di Pangkalan Chepa dekat sini hari ini.

Kementerian Pertahan juga boleh membantu Majlis Dadah Kebangsaan, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dalam latihan pemulihan penagih dadah, kata beliau.

"Anggota tentera dengan kelebihan dan kemampuan untuk menyemaikan aspek disiplin di kalangan penagih itu serta dengan kerjasama pelbagai pihak dan agensi kerajaan lain bagi mengatur program pemulihan yang lengkap maka bekas penagih dadah dapat disembuhkan dan balik ke pangkuan masyarakat," katanya.

Syed Hamid berkata peperangan terhadap dadah itu memerlukan penerapan baru iaitu tumpuan kepada rawatan susulan terhadap bekas penagih dadah supaya mereka benar-benar pulih.

Beliau juga berkata pihak tentera mengawasi dengan teliti bagi mengelakkan anggotanya terlibat dengan penagihan dadah.

Pada lawatan itu, Syed Hamid menyampaikan bungkusan sumbangan hari raya kepada beberapa anggota tentera yang berkhidmat di situ. -- BERNAMA

RAR MAI